

BAB
DUA

BAB II : *ORIENTALIS* DAN SEJARAH ISLAM

Pendahuluan

Rasūl S.A.W. telah membawa bersamanya Islam yang sempurna yang memberi tunjuk ajar merangkumi seluruh aspek kehidupan. Kebijaksanaan Rasulullah dalam menyebarkan Islam dan merangka strategi menghadapi tentangan musuh dari pelbagai golongan amat mengagumkan. Tradisi kecemerlangan ini seterusnya di sambungkan lagi oleh para sahabat dan tābi'īn sehinggalah Islam tersebar ke seluruh dunia. Segala bentuk ancaman dan tentangan terutamanya dari golongan Yahudi dan Nasrani telah dapat diatasi dengan jayanya sehinggalah terbinanya sebuah *tamaddun* agong yang amat dikagumi.

Walaubagaimana pun, keunggulan *tamaddun* ini mulai terhakis akibat kecintaan yang lebih kepada dunia. Kemudiaannya perkara ini diburukkan lagi dengan penjajahan pemikiran hasil perencanaan dan strategi yang telah diatur oleh musuh-musuh Islam terutamanya dari kalangan Yahudi dan Nasrani. Serangan dalam bentuk ini telah melemahkan kesatuan umat Islam dan memerangkap diri mereka sehinggalah umat Islam kini hilang segala-galanya. Oleh itu, adalah wajar untuk kita menilai dan mengkaji semula sejarah pertentangan antara Islam dan musuh-musuhnya supaya boleh dijadikan pengiktibaran dan panduan dalam membina kembali empayar kegemilangan Islam yang agung.

2.1. *ORIENTALIS*

2.1.1. Sejarah Kemunculan Dan Perkembangan *Orientalis*

Pelbagai persepsi telah dibuat oleh para sejarawan dan penyelidik tentang sejarah dan perkembangan *Orientalis*. Pendapat yang dikemukakan mereka adalah berdasarkan hasil usaha penyelidikan yang telah dilakukan. Istilah *Orientalis* dari segi formalnya baru digunakan pada abad ke 18, dan ia mempunyai pertalian dengan latar belakang peringkat awal kelahiran Islam yang berdepan dengan golongan Yahūdi-Kristian. Pertentangan umat Kristian dan juga Yahūdi dapat dilihat dari dendam kesumat dan gambaran *negatif* mereka terhadap Islam. Peperangan menguasai Sepanyol dan beberapa siri Peperangan Salib (1098-1295) adalah rentetan dari dendam kesumat mereka terhadap Islam¹. Selepas Perang Salib, usaha-usaha terus dilakukan untuk menghancurkan Islam. Mereka melihat kebangkitan Islam sebagai satu ancaman terhadap agama mereka. Peperangan Salib ini yang dilalui selama hampir 200 tahun banyak memberikan mereka pengalaman berharga dalam menghadapi Islam. Usaha dilakukan dengan lebih halus dan tersusun dan dijelmakan dalam bentuk ilmiah iaitu apa yang dinamakan Ilmu Ketimuran. Perbelanjaan Ilmu Ketimuran ini disokong oleh gereja dan pemerintah-pemerintah yang bersangkutan dengannya terutama setelah empat ratus tahun lamanya dunia Islam jatuh satu demi satu dalam cengkaman penjajahan. Untuk melancarkan penjajahan usaha ini

¹ Edward W.Said, (1978), *Orientalism*, C.1., London : Routledge & Kegan Paul , h. 3.

dicampur dengan penyebaran agama Kristian fahaman Katolik dan Protestan yang sama-sama menyumbangkan penganut-penganut mereka untuk menjadi *Orientalis*².

Adalah sukar untuk menentukan tarikh yang tepat bila bermulanya gerakan *Orientalisme* walaupun sesetengah pengkaji menunjukkan bahawa orang Kristian ada menceritakan permulaan lahirnya *Orientalisme* secara rasmi ialah bersamaan dengan Resolusi Persefahaman Perhimpunan Gereja di Vienna pada tahun 1312 Masihi untuk menubuhkan jabatan-jabatan Bahasa 'Arab di beberapa Universiti di Eropah³. Oleh itu, jika kita mengambil pakai pandangan ini bermaksud gerakan ini telah muncul di sekitar abad ke 14 Masehi. Walau bagaimanapun, ada sesetengah pengkaji mengatakan bahawa *Orientalisme* bermula pada kurun yang kesebelas masihi dan ada yang berpendapat ianya bermula pada kurun kedua belas masihi. Pendapat yang lain menyatakan bahawa gerakan ini telah muncul lebih awal daripada itu lagi semenjak abad ke sepuluh Masehi iaitu sekitar tahun 940 Masehi⁴.

Dilihat dari satu sudut, minat orang-orang Barat terhadap bahasa-bahasa Timur khususnya kepada Bahasa 'Arab sudah ada semenjak zaman pertengahan sekitar abad ke sepuluh. Mereka melakukan penyelidikan dan mempelajarinya dengan teliti semua buku-buku berbahasa 'Arab. Pada zaman pertengahan ini usaha mereka tertumpu kepada dua perkara iaitu menterjemahkan buku-buku berbahasa 'Arab dalam bidang Ilmu Alam, Matematik dan mempelajari bahasa-bahasa Timur

² Prof Dr AbdulMalik AbdulKarim Amrullah , (1986), *Tafsir Al-Azhar*, Juzuk 11, c.2. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, h. 3211.

³ Mahmud Hamdy Zaquq, (1981), *Al-Islām Fi al- Fikr al- Gharbi*, c. 1. Kuwait : Dar al-Qalām, h. 9.

⁴ Najib Aqiqi, (1981), *Al-Mushtashriqūn*, Jilid 1, c. 4 . Cairo : Dar al Maarif, h. 72.

khususnya Bahasa ‘Arab lengkap dengan kesusasteraannya. Orang yang mula-mula sekali melakukan penterjemahan pada waktu itu ialah Paus Silvester II (999-1003 Masehi). Hasil terjemahannya muncul seratus tahun sesudah manuskrip bahasa ‘Arab yang mula-mula sekali ditulis (874 Masehi). Sesudah mereka menterjemahkan buku-buku ini, timbullah pula minat mereka memperdalam bahasa ‘Arab itu sendiri dan bahasa-bahasa lainnya yang berada di Timur dengan tujuan keagamaan, perniagaan dan politik penjajahan. Mereka mulai dengan mempelajari dan menyelidiki bahasa ‘Ibrānī dan kemudiaannya diikuti bahasa Turki dan ‘Arab⁵.

Keadaan ini menjelaskan kepada kita bahawa, gerakan *Orientalisme* ini telah muncul di sekitar abad ke sepuluh kerana memang benar orang-orang Eropah telah datang ke Andalusia untuk mengambil ilmu-ilmu yang dimiliki kaum *muslimīn* seperti Ilmu Kedokteran, Teknik, Matematik, Astronomi dan lain-lainnya. Ilmu-ilmu ini telah diterjemahkan mereka ke bahasa Latin sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan kesusasteraan pada waktu itu hingga negeri tersebut menjadi kiblat kegiatan ilmiah di Eropah. Disinilah yang menjadi pusat kegiatan pembelajaran atau penterjemahan. Orang yang pertama mempunyai kegiatan tersebut ialah pemuka-pemuka agama Masehi dengan dibantu oleh orang-orang Yahūdi⁶. Mereka datang belajar di sekolah-sekolah Islam di Andalusia, menjadi murid kepada ‘ulamā’ Islam yang masyhur dalam berbagai macam ilmu pengetahuan. Kemudian apabila mereka pulang, mereka mula menyalin al-Qurān dan buku-buku ‘Arab ke dalam bahasa

⁵ Muin Umar, (1978), *Orientalisme Dan Studi Tentang Islam*, c.1 . Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 9-11.

⁶ A. Hanafi, (1981), *Orientalisme : Tinjauan Menurut Kacamata Al-Qurān Dan Hadīth*, c.1 . Jakarta : Penerbit Pustaka Al Husna, h. 9-10.

mereka⁷. Mungkin pendita inilah yang dimaksudkan sebagai Silvester II yang kemudiaannya memegang jawatan sebagai ketua paderi di Rom.

Pendapat lain menyatakan bahawa gerakan *Orientalis* ini telah bermula pada abad ke 12 sekitar tahun 1143 Masehi iaitu setelah usaha penterjemahan al-Qurān ke Bahasa Latin dilakukan oleh Robert Retina dan Herman Delmetia⁸. Kenyataan ini menjelaskan bahawa apabila usaha memahami al-Qurān dilakukan, maka sudah tentulah orang-orang *kāfir* ini mula menunjukkan minat untuk mendalami Islam, sekaligus mencari cacat-celanya dan seterusnya melakukan pembohongan-pembohongan. Mustahillah mereka ini mempelajari Islam kerana tertarik dengan keindahannya dan bersifat ikhlas terhadap kesucian Islam. Pendapat lain mengatakan bahawa sebenarnya sejarah *Orientalis* ini sudah lama bertapak dan kemunculannya semakin ketara dan menonjol semenjak abad ke 16 Masehi. Ini kerana, terdapat banyak faktor-faktor yang menjadi pemangkin gerakannya seperti faktor keagamaan, politik dan ekonomi⁹.

Pendapat lain menyatakan bahawa gerakan ini bermula apabila serangan Perancis ke atas Mesir dan negara-negara lain di Timur pada tahun 1798. Orang-orang Perancis ini telah membawa sebilangan besar *Orientalis* yang kemudiaannya mengkaji pelbagai ilmu pengetahuan dari Timur. Pada ketika ini timbulnya semangat

⁷ H.Ismail Jakub, (1970) , *Orientalisme Dan Orientalisten*, c 1. C.V Surabaya : Faizan, , h. 11.

⁸ Rudi Paret, (1968), *The Study Of Arabic And Islam At German Universities*, Wiesbaden : Franz Steiner Verlag Gmbh, h. 2.

⁹ Abul Hassan Ali Al Husni An Nadwi, (1965), *Pertarungan Alam Pikiran Islam Dengan Alam Pikiran Barat Di Negara-Negara Islam*. Mahjuddin Sjaf (terj.), c. 1. Bandung, : PT Al Maarif, h. 157.

imperialisme Barat dan mereka berlumba-lumba untuk menguasai negara-negara Timur dan mengeksploitasi segala kepentingan yang ada¹⁰. Sebagai contoh, dari kajian dan hasil gigih mereka, sebanyak dua puluh tiga jilid besar tentang *Egyptology* yang menerangkan segala peradaban Mesir, sejarah, adat, agama, bahasa, kesusasteraan, politik, ekonomi dan sebagainya telah berjaya dihasilkan. Usaha Perancis ini kemudiaannya ditiru oleh Belanda dan Inggeris.

Kesimpulannya, sejarah perkembangan dan kemunculan *Orientalis* ini sebenarnya masih lagi menjadi perbincangan sejarahwan. Apa pun, sejarah mencatatkan bahawa pertentangan antara Yahudi dan Nasrani telah ada semenjak zaman Rasūl S.A.W.. Cumanya, apa yang berbeza ialah pendekatan dan corak tindakan yang mereka lakukan dalam memusuhi dan menghancurkan Islam dan usaha ini sentiasa ditokok tambah bersesuaian dengan peredaran zaman. Sebagaimana yang termanifestasi dalam berbagai-bagai hasil tulisan para *Orientalis* atau sarjana Barat, bahawa matlamat tunggal yang berada di belakang segala usaha mereka mendekati al-Qurān adalah untuk menyangkal secara akademik kesucian al-Qurān sebagai *wahy* yang sah daripada Allah S.W.T.. Matlamat ini diketahui melalui percubaan mereka menghujahkan bahawa Nabī Muhammad S.A.W. ialah pengarang sebenar al-Qurān dan percubaan mereka menghujahkan bahawa al-Qurān telah diedit atau ditambah di sana-sini oleh manusia yang bertindak sebagai ejen Tuhan¹¹.

¹⁰ Muhammad Abdul Fatah Ilyan, (1980), *‘Uduww ‘Alā al-Istisyrāq*, c. 1. Dar al-Nuhūt al-‘Ilmiyyah, Kuwait, h. 7.

¹¹ Mohamamad Khalifa, (1994), *Al Quran Dan Orientalisme*. Zakaria Stapa Dan Mohamad Asin Dollah (terj.), c. 5. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1-2.

2.1.2. Bentuk-Bentuk Gerakan *Orientalis*.

Secara umumnya, *Orientalis* telah mengadakan pelbagai cara dan bentuk dalam usaha mereka menyebarkan ideologi dan pemahaman mereka. Maka sudah tentulah usaha yang dilakukan ini mendatangkan kesan yang pelbagai terhadap Islam. Usaha-usaha atau bentuk-bentuk gerakan *Orientalis* tersebut antaranya ialah dengan mengadakan perjumpaan di antara *Orientalis* yang bertujuan untuk membincangkan semua aspek-aspek yang ada di Timur meliputi bidang agama, bahasa, sejarah dan sebagainya dan seterusnya memastikan segala usaha mereka dapat direalisasikan dengan sempurna. Sehingga tahun 1970 sebanyak dua puluh lapan kali perjumpaan telah diadakan. Perjumpaan yang pertama diadakan di Paris pada tahun 1873 dan kemudiannya di London (1874), St Petersburg (1876), Florents (1878), Berlin (1881), Leiden (1883), Wiena (1886), Stockholm (1889), London (1892), Gent (1894), Paris (1897), Hamburg (1902), Algiers (1905), Conpenhagen (1905), Athene (1928), Leiden (1931), Rom (1935), Brussel (1938), Istanbul (1951), Cambridge (1954), Munchen (1957), Moskwa (1960), Cordova (1962), Cambridge (1964) dan Canberra (1971)¹².

Kenyataan ini menjelaskan kepada kita bahawa, perbincangan merupakan satu jalan terpenting yang di ambil *Orientalis* dalam menyelaraskan segala bentuk gerakan mereka dan menyelesaikan sesuatu permasalahan. Oleh kerana itu kita dapati usaha *Orientalis* ini sudah tentulah akan membuahkan hasil yang baik dan

¹² A.Muin Umar (1978) , *Op.Cit.* , h. 40-41.

memberikan *impak* yang besar kepada Islam. Tambahan pula, perbincangan ini kerap dilakukan iaitu dalam kadar tiga tahun sekali. Maka sudah tentulah pelbagai strategi dan rumusan dibuat dalam usaha mereka menghancurkan Islam. Mereka juga berusaha menerbitkan *ensiklopedia*, buku-buku, jurnal-jurnal dan majalah-majalah yang bertujuan menzahirkan *kredibiliti* dan pemikiran mereka. Antara *ensiklopedia*, jurnal dan buku yang dikeluarkan ialah seperti *Ensiklopedia of Islam* yang diterjemahkan dalam bahasa Perancis, Turki dan 'Arab, *Jurnal Asiatique*, *The Moslem World*, *Islamica*, *Bijdragen* dan lain-lainnya. Mereka juga mendirikan sekolah-sekolah ketimuran yang bertujuan menyelidiki dan mendalami ilmu-ilmu Islam seperti *Ooster Institut* dan *Institut Voor Het Moderne Nabije Oosten*¹³. Dengan cara ini, *Orientalis* mampu untuk menyerapkan ideologi mereka dengan berkesan kerana pembacaan merupakan *wasilah* yang terbaik untuk mempengaruhi pemikiran umat Islam. Tidak mustahil melalui kaedah ini mereka mampu untuk meracuni dan seterusnya meragukan orang Islam terhadap agama mereka. Tambahan pula umat Islam kekurangan bahan-bahan bacaan ilmiah dan sudah tentulah bahan bacaan karangan *Orientalis* akan menjadi rujukan mereka tanpa menyedari fakta-fakta ilmiah yang mungkin telah diselewengkan oleh *Orientalis*.

Di samping itu, mereka juga berusaha mengumpulkan buku-buku tulisan tangan ahli ilmunan Islam dan manuskrip-manuskrip lama serta mengkajinya. Setelah itu mereka akan cuba memasukkan pemikiran-pemikiran mereka di dalam buku dan manuskrip ini atau mengkritik dan mencari kelemahan sumber-sumber ini. Mereka juga berusaha menterjemah ilmu-ilmu pengetahuan Islam dalam pelbagai bahasa dan

¹³ A. Muin Umar (1978), *Op.Cit.*, h. 41-45.

kemudiaannya menyelit atau menambahkan pemikiran-pemikiran dan idea mereka yang menyeleweng. Mereka menulis, mengolah dan mengarang dalam pelbagai bidang misalnya menyediakan kamus-kamus untuk rujukan, menulis tentang Islam seperti perihal Nabī Muhammad S.A.W., Khulāfā' al-Rāshidīn, kebudayaan dan peradaban, al-Qurān dan lain-lainnya. Mereka juga menulis tentang sejarah dan keadaan negeri-negeri di bawah kekuasaan taklukan Islam sama ada dari sudut politik, pentadbiran, masyarakat dan seumpamanya. Mereka juga menulis tentang rangkaian pemerintahan Islam dan yang berkaitan dengan keseniaan, kesusasteraan dan pengetahuan¹⁴. Penulisan-penulisan sebegini sudah tentulah mempunyai agendanya yang tersendiri dan berniat tidak ikhlas terhadap Islam. Walaupun ada segelintir dari kalangan *Orientalis* yang mengkaji Islam secara ilmiah seperti Maurice Bucaille Gosar Lubon, Thomas Arnold, Rofer Graudy dan lain-lainnya tetapi majoriti kalangan mereka adalah bersikap anti Islam. Mereka mengkaji Islam dengan pemikiran mereka yang kukuh bahawa Islam itu sebagai satu agama yang batil dan sudah tentulah mereka akan mengemukakan pelbagai idea, pemikiran dan alasan yang dapat menunjukkan kebatilan Islam.

Sebagai kesimpulannya, kita mengetahui bahawa *Orientalis* telah melakukan pelbagai kajian terhadap masyarakat Islam dalam usaha menyebarkan pengaruh dan sekaligus merosakkan Islam. Mereka menulis buku-buku mengenai Islam, mengadakan seminar dan program-program dialog, ceramah-ceramah di pusat-pusat pengajian tinggi, menerbitkan majalah-majalah khusus berkaitan Islam, mengadakan persidangan dan sebagainya. Semua bentuk gerakan *Orientalis* ini merupakan suatu

¹⁴ H.Ismail Jakub (1970), *Op.Cit.* , h. 66-74.

ancaman besar kepada dunia Islam dan umat Islam haruslah peka kepada bentuk-bentuk gerakan *Orientalis* ini agar tidak mudah tertipu dengan gerakan ini.

2.1.3. *Orientalis* Menurut Al-Qurān

Perkataan 'Arab yang merujuk kepada *Orientalis* di dalam al-Qurān sememangnya tidak wujud. Dalam pendefinisian terhadap *Orientalis*, kita telah mengetahui tentang *Orientalis* yang terdiri dari kalangan Yahūdī dan Nasrānī. Oleh kerana itulah dalam menerangkan *Orientalis* menurut al-Qurān, pengarang mengambil ayat-ayat yang menyentuh tentang sifat, sikap dan usaha-usaha yang dilakukan oleh orang Yahūdī dan Kristian dalam permusuhan mereka untuk menghancurkan Islam. Daripada sinilah sesetengah para 'ulamā' tafsīr ada menyelitikan perbahasan mengenai *Orientalis* dalam tafsīr-tafsīr karangan mereka. Penulis hanya memetik beberapa potongan ayat al-Qurān yang menceritakan tentang perangai orang-orang Yahūdī dan Kristian terhadap Islam. Firmān Allah S.W.T. :

وَلَنْ نَرْضَىٰ عَنْكَ آلِ يَهُودَ وَلَا آلِ نَصْرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Sūrah Al- Baqarah (2) : 120

Orang-orang Yahūdī dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu sehinggalah kamu mengikuti jejak langkah mereka.

Sebelum kedatangan Nabī Muhammad S.A.W., bangsa 'Arab pada waktu itu dilihat sebagai orang-orang yang bodoh, tidak beragama dan penyembah berhala. Orang-orang Yahūdī dan Nasrani pada waktu itu berpendapat orang-orang yang

cerdik ialah orang yang menganut agama mereka. Pada waktu inilah Nabī Muhammad S.A.W diutuskan. Orang-orang Yahūdī dan Nasrānī amat irihati kerana Nabī Muhammad S.A.W tidak menyebut pun tentang agama mereka melainkan menunjukkan kesalahan dan penyelewengan yang dilakukan mereka. Oleh kerana itulah mereka mengkehendaki Nabī Muhammad S.A.W mengikuti agama mereka dan menyebarkannya. Mereka tidak akan ridā kepada Nabi dan penganut Islam selagi tidak menurut jejak langkah mereka¹⁵. Daripada ayat ini kita dapat memahami bahawa sifat utama yang ada pada Yahūdī dan Nasrānī ialah sikap sombong dan angkuh dengan tidak mahu menerima kebenaran Islam bahkan mereka berusaha bersungguh-sungguh membawa Islam dalam suasana kebatilan mereka. Seterusnya Firmān Allah S.W.T. :

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَاءَهُمُ الَّذِينَ
خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Sūrah Al-An'am (6) : 20

Orang-orang (Yahūdī dan Nasrānī) yang telah kami berikan Kitāb kepada mereka, mereka mengenalnya (Nabī Muhammad) sebagaimana mereka mengenali anak-anak mereka. Orang-orang yang merugikan diri sendiri (dengan mensia-siakan pengurniaan Allah), maka mereka (dengan sebab yang tersebut) tidak beriman.

¹⁵ AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1986) , *Op.Cit.* , Juzuk 1, h. 285

Di sini dijelaskan tentang perangai orang Yahūdī yang sengaja tidak mahu mengakui kebenaran risālah Nabī Muhammad S.A.W. walaupun mereka tahu kebenarannya melalui kitāb Taurāh dan Injīl. Pengenalan mengenai Nabī Muhammad S.A.W. telah diketahui oleh mereka dengan sejelas-jelasnya seolah-olah seperti mereka mengenali anak-anak mereka sendiri. Perangai mereka adalah seumpama orang *musyrikīn* yang mengakui kebenaran Nabī Muhammad S.A.W. tetapi menolaknya kerana bimbang kehilangan pangkat dan kebesaran jika memeluk Islam disamping perlaksanaan hukum Islam yang tidak memilih pangkat dan keturunan¹⁶. Dari ayat ini kita memahami bahawa sikap mereka yang menolak kebenaran walaupun mengetahui kerana dirasakan tidak bersesuaian dengan keegoan yang ada pada mereka. Mereka rela menolak kebenaran semata-mata ianya tidak secocok dengan jiwa dan pemikiran mereka. Seterusnya Firmān Allah S.W.T. :

وَالَّذِينَ
 ءَاتَيْنَهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنْزَلٌ مِّن رَّبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ
 الْمُمْتَرِينَ

Sūrah Al-An'am (6) : 114

Dan orang-orang yang kami berikan Kitab, mengetahui bahawa al-Qurān itu adalah diturunkan dari Tuhanmu dengan sebenar-sebenarnya. Oleh itu janganlah sekali-kali engkau menjadi (salah seorang) dari golongan yang ragu-ragu.

Profesor Hamka menjelaskan *Orientalis* dalam hati kecil mereka tidak dapat membantah kebenaran Nabī Muhammad S.A.W dan al-Qurān. Sejak beratus-ratus tahun lamanya, beberapa Universiti Eropah bersatu usaha mengkaji Islam dan al-

¹⁶ Muhammad Abduh, (1368h), *Tafsir al Quran al Hakim : Al-Syāhir Bi Tafsir al-Manār*, c. 3., Juzuk 7, T. T.P. : Dar al Manar, h. 343.

Qurān dengan tujuan membuktikan al-Qurān itu hanya karangan Nabī Muhammad S.A.W. dan bukan *wahy* Allah. Mereka juga berusaha untuk membuktikan bahawa Islam itu hanyalah tiruan dari falsafah Yunani dan Tasauf Islam dari ajaran Hindu. Malangnya, walaupun beratus penyelidikan dan buku dihasilkan mereka masih gagal membuktikannya malahan ada di antara mereka yang memeluk Islam kerana tertarik dengan kebenaran dan keunggulannya¹⁷. Seterusnya Firmān Allah S.W.T. :

مَا يُجَدِّدُ فِى ءَايَتِ اللّٰهِ اِلَّا الَّذِيْنَ كَفَرُوْا فَلَا يَغْرُرْكَ تَقَلُّبُهُمْ فِى
الْبِلَادِ

Sūrah Al-Mukmin (40) : 4

Tidak ada yang membantah mengenai ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir. Oleh itu, janganlah engkau (wahai Muhammad) diperdayakan oleh kebebasan mereka bergerak dengan berulang alik dari sebuah bandar ke bandar yang lain.

Yang dimaksudkan dengan berbantah-bantah atau membantah ayat Allah ialah orang yang menanggapi ayat Allah S.W.T. dengan cara yang batil, tidak jujur dan semata-mata hanya hendak menolak kebenaran. Kaum *Orientalis* memperdalamkan pengetahuan mereka tentang Islam bukanlah kerana hendak mempercayainya atau mengimaninya tetapi adalah kerana hendak mencari kelemahan dan melemahkan iman orang-orang Islam yang kurang ilmu agamanya. Mereka inilah terdiri dari orang-orang kāfir yang anti kepada Islam. Di hujung ayat ini telah diperingatkan supaya Rasūl S.A.W. dan orang-orang yang beriman supaya

¹⁷ AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1986), *Op.Cit.* , Juzuk 8, h. 2153.

tidak terpesona dan terpedaya dengan melihat orang-orang sebegini sifatnya yang pergi dan pulang dari satu negeri ke satu negeri, daerah ke daerah, benua ke benua disebabkan kekuasaan yang ada pada mereka¹⁸. Seterusnya sifat mereka ini dijelaskan dengan Firmān Allah S.W.T. :

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيَاطِينِهِمْ قَالُوا
إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ

Sūrah Al-Baqarah (2): 14

Dan apabila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka mengatakan ; Kami telah beriman. Dan apabila mereka kembali kepada syaitān-syaitān mereka, mereka berkata pula, sesungguhnya kami tetap bersama-sama kamu, kami hanyalah memperolok-olokkan. (akan orang-orang yang beriman)

Ayat ini telah ditujukan kepada ‘Abdullāh bin Ubai atas sikapnya yang bermuka-muka terhadap Abū Bakar, ‘Umar dan ‘Ali. Apabila berhadapan dengan sahabat-sahabatnya ‘Abdullāh telah menggelarkan mereka sebagai orang-orang yang bodoh dan lemah pemikiran dan mudah ditipu. ‘Abdullāh bin Ubai ini merupakan lambang perangai orang-orang munafik dari kalangan Yahudi. Perangai ini adalah lebih dashyat dari perangai syaitan kerana sikap mereka yang suka bermuka-muka atau talam dua muka.¹⁹ Ayat ini jelas menunjukkan sikap bermuka-muka Yahūdī dan bersedia mengambil kesempatan atas kelemahan dan kelalaian umat Islam pada bila-bila masa.

¹⁸ AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1986), *Op.Cit.* , *Op.Cit.* , Juzuk 24, h. 6337-6339.

¹⁹ Dr Wahbah Zuhaili, (1991), *Tafsir al Munir*, Juzuk 1, c. 1., Lubnan : Dār al-Fikr al-Mūa’thir, Beirut, h. 86-87.

2.2. Sejarah Pendidikan Islam

2.2.1. Pendidikan Di Zaman Awal Islam

Di zaman permulaan Islam, pelajaran agama diberikan di rumah-rumah. Rasūlullāh S.A.W. sendiri menggunakan rumah Arqām bin Abī Al-Arqām sebagai tempat pertemuan dengan para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dari kalangan kaum *muslimīn*. Di sinilah Baginda mengajarkan kaedah-kaedah Islam dan membacakan ayat suci al-Qurān yang diterimanya melalui *Jibrīl*. Selain itu, Baginda juga mengadakan pertemuan di rumahnya di Mekah, dimana kaum *muslimīn* berkumpul untuk belajar dan membersihkan 'aqidah mereka. Setelah kedatangan Islam, jumlah orang yang tahu menulis dan membaca dari kalangan suku kaum Quraish dianggarkan seramai tujuh belas orang. *Impak* dari kedatangan Islam menyebabkan kaum *muslimīn* sudah mulai belajar membaca dan menulis, dan kepandaian ini tersebar di seluruh *Jazīrah* 'Arab sehinggalah mereka dapat mencatat hadīth Rasūl S.A.W. secara teliti²⁰. Berdasarkan keterangan ini, kita memahami bahawa rumah Arqām telah menjadi sekolah pertama dalam Islam, manakala Rasūl S.A.W. merupakan guru dan pendidik yang pertama. Asas pendidikan yang diberikan ialah al-Qurān yang secara tidak langsungnya menggalakkan ramai orang Islam untuk mula mempelajari menulis dan membaca bagi memahami al -Qurān. Disamping itu, apabila seseorang itu memeluk Islam maka, mereka harus mempelajari selok belok peraturannya dan perkara ini hanya boleh di dapati melalui

²⁰ Prof Dr Muhammad 'Athijah Al-Abrasyi, (1970), Prof. H. Bustami A.Gani (terj.), *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*, c. 1. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, , h. 62-63.

Rasūl S.A.W.. Oleh kerana itulah pendidikan dizaman ini mulai berkembang hasil usaha dan inisiatif al-Qurān.

Pondok sebelum Islam merupakan tempat belajar menulis dan membaca semata-mata dan setelah datangnya Islam, tugasnya bertambah luas menjadi tempat menghafal ayat-ayat al-Qurān dan pelajaran agama Islam, kesenian tulis menulis, Ilmu Hisab dan Bahasa. Rasūl S.A.W. ada menyuruh orang-orang Islam yang tahu menulis dan membaca supaya mencatatkan ayat-ayat al-Qurān disamping meminta bantuan kepada orang-orang Yahūdī dan Nasrāni untuk mengajar kaum *muslimīn* membaca dan menulis. Ini kerana bilangan orang-orang Islam yang tahu membaca dan menulis pada waktu itu sangat sedikit. Misalnya dalam peperangan Badar, Rasūl S.A.W. telah menugaskan tawanan dari kaum Quraish Mekah yang tahu menulis dan membaca supaya mengajar anak-anak orang *Muslim* menulis dan membaca sebagai tebusan bagi membebaskan mereka daripada tawanan²¹. Pada waktu ini, al-Qurān memainkan peranan penting dalam proses pendidikan. Sekurang-kurangnya orang-orang Islam akan cuba mempelajari al-Qurān dengan menghafalnya dan menulisnya di pelepah-pelepah tamar, tulang atau batu. Segala masalah yang berkaitan dengan al-Qurān akan dirujuk terus kepada Nabī Muhammad S.A.W.²².

Penghijrahan Rasūl S.A.W. ke Madinah pada tahun 622 Masehi, membawa perubahan dan pengertian yang besar terhadap institusi keilmuan Islam. Bagi tujuan tersebut, Rasūl S.A.W. telah mendirikan masjid yang pertama di dalam Islam iaitu di

²¹ Muhammad 'Athijah Al Abrasjy (970), *Op.Cit* , h. 63-64.

²² Munirudin Ahmed, (1968), *Muslim Education And The Scholars' Social Status Upto The 5th Century Muslim Era In The Light Of Tarikh Baghdad*, c. 1. Zurich :Verlag Der Islam, Zurich, h 30-31.

Qubā' . Rasūl S.A.W. juga telah mendirikan Masjid Nabawī di Madinah dengan tujuan masjid dapat dijadikan pusat segala aktiviti agama dan kemasyarakatan khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadat dan pendidikan. Situasi di masjid menjadikannya lebih bebas dan sesuai sebagai tempat belajar daripada di rumah kerana, seseorang itu tidak perlu meminta kebenaran untuk memasukinya jika dibandingkan dengan rumah. Oleh kerana itulah, pendidikan Islam terus berkembang dengan pesatnya. Di antara sahabat-sahabat Rasūl S.A.W. yang terkenal luas ilmunya ialah seperti 'Alī bin Abī Tālīb, 'Umar bin al-Khattāb, Anas bin Mālīk, Mu'az bin Jabal, Abū Hurairah, 'Abdullāh bin Mas'ūd, 'Abdullāh bin 'Abbas, 'Abdullāh bin 'Umar, 'Abdullāh bin 'Amr bin al 'As, Zaid bin Thābit, Abū Dardā', Abu Sa'id al-Khudri, Abū Mūsā al-ash'arī, 'Aishah dan lain-lainnya. Sebahagian sahabat terkenal dengan ilmu-ilmu tertentu seperti 'Abdullāh bin 'Abbas dengan 'Ilmu Tafsīr, Abū Ka'āb dengan 'Ilmu Qirāat, 'Alī bin Abī Tālīb dengan 'Ilmu Fiqh, Mu'az bin Jabal ilmu yang berkaitan Halal dan Haram, Zaid bin Thābit dengan Ilmu Pusaka atau Farāid dan lain-lain lagi. Merekalah yang merupakan kelompok pertama dari *Madrasah* Rasūl S.A.W. di Mekah dan Madinah²³.

Di zaman *Khulafā' al-Rāshidīn*, pendidikan Islam terus berkembang. Pada zaman ini muncul golongan *tābi'īn* yang berguru dengan lulusan pertama. Diantara yang paling terkenal di Madinah ialah Rabī'ah al-Rāyī yang membuka pertemuan ilmiah di Masjid Nabawī di Madinah. Diantara murid-muridnya adalah Mālīk bin Anas al-Asbahi pengarang kitab *al-Muwatta'* dan pendiri Mazhab Malik. Di antara

²³ Prof Dr Hasan Langgung , (1991), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke 21*, c. 1. Selangor : Hizbi Sdn Bhd, , h. 16-17.

'ulamā'-'ulamā' *tābi 'in* adalah Sa'id bin al-Muthayyab, 'Urwah bin al-Zubīr, Salīm Mawlā bin 'Umar dan lain-lainnya²⁴.

Sebagai kesimpulannya, Pendidikan Islam diperingkat awalnya berkembang dengan pesat, dan Rasūl S.A.W. dan al-Qurān menjadi penggalak kepada pembangunan institusi ilmu pengetahuan yang berteraskan pendidikan Islam. Pada waktu ini umat Islam mulai bangun dari kejahilan dan mulai bersedia untuk menjadi umat yang maju hasil teras pendidikan Islam yang diajar dan ditinggalkan oleh Rasūl S.A.W.. Usaha Baginda ini kemudiaannya disambung oleh generasi sahabat dengan melakukan pelbagai pembaharuan dalam bidang pendidikan Islam sejajar dengan keperluan semasa pada waktu itu.

2.2.2. Pendidikan Di Zaman Pertengahan Islam

Apabila muncul zaman selepas pemerintahan *Khulafā' al-Rāshidīn* dan sebelum lahirnya *Kerajaan 'Abbasiyyah* kita dapati bahawa pengetahuan yang muncul pada masa itu ialah pengetahuan yang bercorak agama. Ilmu pengetahuan dalam *zaman Umawi* bergantung kepada riwayat-riwayat yang dibuat oleh 'ulamā'- 'ulamā' berdasarkan kepada ingatan mereka, atau dari pembacaan buku-buku yang tidak tersusun rapi. Disamping itu, ilmu pengetahuan dalam *zaman Umayyiah* adalah berdasarkan kepada al Qurān dan Hadīth. Setiap masalah adalah berkisar kepada kedua-duanya. Daripada al- Qurān dan Hadīth ini dikeluarkan hukum-hukum fekah

²⁴ Prof Dr Hasan Langgulung (1991), *Op.Cit.*, h. 16.

dan lain-lainnya. Pendek kata gerakan ilmu pengetahuan pada waktu itu adalah bercorak agama sahaja kecuali dalam beberapa perkara yang kecil sahaja. Dalam zaman 'Abbasiyyah, terdapat dua bentuk pengajian iaitu pengajian agama yang berpusat pada al-Qurān dan al-Hadīth serta pengajian keduniaan yang berpusat pada Ilmu perubatan dan kemudiannya timbul pengajian yang berhubung Sains, Kimia, Ilmu Pasti, Logik, dan Ketuhanan kerana pengetahuan perubatan memerlukan pada ilmu-ilmu ini²⁵.

Pada masa *Daulah 'Abasiyyah*, pusat peradaban Islam adalah kota Baghdad yang terletak di Wilayah Iraq. Dari kota inilah terserlah keunggulan dan kemajuan Islam dalam *ketamaddunannya*. Orang-orang Islam ketika ini telah matang dalam bidang kajian, penyelidikan dan karangan disamping galakan-galakan yang diberi oleh para *khalifah*, *sultān-sultān*, *amīr-amīr*, '*ulamā*' dan cendiakawan Islam. Kemakmuran dan kemewahan hidup dapat dirasa oleh seluruh rakyat sehingga benak pemikiran orang-orang Islam telah terbuka luas kerana ramai di antara mereka telah menjalankan ekspedisi-ekspedisi keluar negeri, menjelajah seluruh pelusuk dan rantau dunia baik di Timur mahupun Barat dalam usaha mendalami kegiatan kebudayaan dan keilmuan dari segenap seginya²⁶. Orang-orang Islam telah memperolehi bahagian yang secukupnya dari pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Para '*ulamā*' mereka membezakan di antara ilmu-ilmu yang ada hubung kaitnya dengan

²⁵ Dr Ahmad Amin (1983), *Dūhā Al-Islām : Mengkaji Gerakan Ilmiah Pada Zaman Permulaan Kerajaan Abbasiyyah*, Osman Haji Khalid (terj.), c.2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 14-16.

²⁶ Dr Hassan Ibrahim Hassan , (1988), *Sejarah Islam : Menyentuh Bidang-Bidang Politik, Agama, Kebudayaan Dan Kemasyarakatan*, Siri 5, c. 3. Terengganu : Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, , h. 104.

al-Qurān dan ilmu-ilmu yang diterima oleh orang-orang 'Arab dari bangsa-bangsa asing. Kategori yang pertama dinamakan '*Ulūm Naqliyah* atau *Syar'iyah* dan kategori yang kedua disebut sebagai '*Ulūm 'Akliyyah* atau *Awāil*, atau '*Ajam* atau *Qadīmah* yang mana kedua-dua ilmu ini mencangkupi 'Ilmu Tafsīr, 'Ilmu Qirāat, 'Ilmu Hadīth, 'Ilmu Fiqh, 'Ilmu Kalām, 'Ilmu Nahu, 'Ilmu Bahasa, Bayan dan Adab atau Sastera, Falsafah, Kejuruteraan, 'Ilmu Nujum, Muzik, Perubatan, Sihir, Kimia, Matematik, Sejarah dan Geografi²⁷. Ilmu-ilmu keduniaan berkembang luas di dalam daerah-daerah pemerintahan Islam, umpamanya falsafah-falsafah Greek didalam segala cabangnya seperti Kedokteran, Logik, Sains, Kimia, Ilmu Bintang dan Ilmu Pasti telah diterjemahkan ke dalam Bahasa 'Arab. Begitu juga Ilmu Pasti dan Ilmu Bintang yang terkenal di kalangan orang Hindu, juga diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Selain dari itu sejarah bangsa-bangsa asing seperti bangsa Parsi, Greek, Rom dan lainnya juga diterjemahkan. Soal ketuhanan yang terdapat di kalangan orang Greek, di samping agama lain seperti Yahūdī, Kristian, Majūsī dan sebagainya juga telah disentuh dan dibentangkan²⁸.

Kesimpulannya, perkembangan ilmu di zaman ini telah menjadikan Islam terkenal ke seluruh pelusuk dunia dan ramai cendekiawan Islam muncul dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Pendidikan yang diasaskan oleh Rasūl S.A.W. ini telah dapat dihayati dengan sempurna, manakala al-Qurān dan Hadīth Rasūl S.A.W. menjadi teras perkembangan ilmu pengetahuan dalam pendidikan Islam.

²⁷ Dr Hassan Ibrahim Hassan (1988), *Op.Cit.*, h. 112.

²⁸ Ahmad Amin (1983), *Op.Cit.*, h. 11.

2.2.3. Pendidikan Di Zaman Kemerosotan Islam

Pada abad ke tiga belas, peradaban Islam telah mengalami kemunduran dibawah tekanan *fundamentalis* agama dan gangguan daripada kelompok-kelompok yang baru sahaja mengenali agama. Pada tahun 1219, pasukan Monggol dengan kejam menyembelih rakyat, menghancurkan kota-kota, membakar perpustakaan serta sekolah-sekolah Islam. Dalam tempoh empat puluh hari pada tahun 1258, tentera monggol pimpinan Hulagu Khan cucu Gengis Khan membunuh lebih kurang 800,000 penduduk Baghdad dan membakar perpustakaan-perpustakaan yang berisi ratusan ribu buku yang mewakili pengumpulan khazanah intelektual Islam selama berabad-abad²⁹. Pernyataan ini menjelaskan kepada kita bahawa abad ini menyaksikan kemerosotan pendidikan Islam disebabkan kelalaian umat Islam itu sendiri dalam menghayati konsep pendidikan Islam yang ditinggalkan oleh Rasūl S.A.W.. Natijahnya yang paling besar ialah apabila buku-buku pengetahuan karangan masyarakat Islam zaman kegemilangan *Kerajaan 'Abbasiyyah* dimusnahkan begitu sahaja oleh tentera Monggol. Maka sudah pastilah pemusnahan ini meninggalkan kesan yang besar terhadap institusi keilmuan Islam terutamanya dalam mencari rujukan-rujukan berguna yang ditulis hasil pengkajain mendalam orang-orang terdahulu yang hampir dengan zaman hidup Rasūl S.A.W..

Kemerosotan ini terus berlanjutan hinggalah suatu ketika 'ulamā'-'ulamā' dikurung ke 18, telah menyeru supaya membuka pintu ijtihad setelah ianya tertutup

²⁹ Charles Michael Stanton, (1994), *Pendidikan Tinggi Dalam Islam : Sejarah Dan Peranannya Dalam Kemajuan Ilmu Pengetahuan*, H. Apandi dan Hassan Asari (terj.), c.2. Jakarta : Penerbit PT Logos Publishing House, h. Xxi.

dalam tempoh yang panjang. Gerakan-gerakan seperti *Wahabi*, *Sanusi*, *Mahdi* ialah antara gerakan-gerakan yang tumbuh di Hijaz, Libya dan Sudan dalam memerdekakan pemikiran umat Islam. Mereka mengangkat penutup yang menutupi Islam dari kejumudan dan taklid buta di zaman *Daulah 'Uthmaniyyah*³⁰. Zaman *'Uthmaniyyah* terus mewarisi kebakuan institusi ilmu dalam pendidikan Islam sehinggalah pemerintahan *empayar 'Uthmaniyyah* jatuh ditangan Mustafa Kamal Attartuk yang sekaligus mensekularkan kehidupan masyarakat Islam dalam semua bidang sehingga menyebabkan Islam menghadapi zaman kejatuhannya yang memerlukan masa untuk bangun kembali.

Kesimpulannya, boleh dikatakan abad ke sembilan hijrah merupakan berakhirnya abad-abad penemuan 'ilmiah, *ijtihad* dalam agama dan ilmu-ilmu lain.. Abad ke sepuluh hijrah pula merupakan abad *taqlid* dan lenyapnya keghairahan untuk menggali ilmu pengetahuan yang baru dalam semua bidang baik bidang agama ataupun lainnya³¹. Pendidikan Islam pada waktu ini menjadi begitu sempit dan tidak dapat dimanfaatkan dengan baik oleh umat Islam sehinggalah membawa kepada kejatuhan umat Islam dan perpindahan ilmu-ilmu Islam ke Eropah.

³⁰ Anwar al-Jundi, (1986), *Usaha-Usaha Pembaratan Terhadap Islam*, Abdul Kadir Kahar (terj.), c. 1. Alor Setar : Pustaka Ikhwan, h. 43.

³¹ Abul Hassan Ali Al Hasany An Nadwy, (1984), *Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam*, Bey Arifin dan Yunus Ali (terj.), c. 1. , Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD, h. 184-185.

2.3. Sumber-Sumber Sejarah Islam

2.3.1. Sumber-Sumber Bertulis

a) Al-Qurān, Al Hadīth Dan Tafsir

Al-Qurān merupakan asas perundangan dan sumber pensejarahan yang paling penting dan diakui kebenarannya kerana al-Qurān datangnya daripada Allah S.W.T.. Di dalam al-Qurān banyak disebut kisah-kisah sejarah seperti kisah kehidupan orang-orang 'Arab terdahulu meliputi soal politik, agama dan ekonomi. Juga, menyebut tentang kisah bangsa-bangsa terdahulu seperti kisah kaum 'Aād dan Thāmūd, tentera bergajah, Gua Ukhdūd, Empangan Ma'rīb, kisah-kisah Nabī dan Rasūl terdahulu dan lain-lainnya. Oleh kerana itulah al-Qurān menjadi sumber sejarah terpenting dan kebenaran ceritanya tidak boleh diragui lagi walaupun ada usaha jahat pihak *Orientalis* yang menolak al-Qurān sebagai sumber sejarah dengan alasan tidak ada perincian kisah sejarah di dalamnya³².

Al-Hadīth pula, merupakan sumber kedua perundangan Islam dan dikira sebagai sebenar-benar sumber pensejarahan Islam selepas al-Qurān. Hadīth bermaksud sesuatu yang disandarkan kepada Rasūlullāh S.A.W. sama ada perkataan, perbuatan, ikrar atau pengiktirafan, sama ada yang berlaku sebelum dibangkitkan

³² Dr. Said Abdul Aziz Salam, (1978), *Al-Tārīkh wa al- Muarrikhūn al-'Arab*, c.3. Bayrut : Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 169-164

menjadi rasūl seperti *Tahannus* atau sesudah dibangkitkan menjadi Rasūl.³³ Penyusunan Hadīth secara sistematik mula dilakukan akhir kurun kedua hijrah di zaman Khalīfah 'Umar 'Abdul 'Azīz. Sebelumnya, hadīth-hadīth ini kebanyakannya dihafal dan ditulis dipelbagai *suhūf*.³⁴ Hadīth-hadīth ini banyak menceritakan tentang agama, pemikiran, kemasyarakatan, politik, ekonomi khususnya dalam kerajaan 'Arab Islam.

Selain kedua-dua sumber tadi, kitāb-kitāb tafsīr al-Qurān dan al-Hadīth juga dianggap sebagai sumber sejarah. Ianya mengandungi huraian-huraian dan keterangan tentang apa yang diungkapkan oleh al-Qurān dan al-Hadīth. Dalam tafsiran mengenai al-Qurān, terdapat beberapa bentuk tafsir iaitu *Tafsīr Bi al-Ma'thūr*, *Tafsīr Bi al-Ra'yī* dan *Tafsīr Bi al-Lughawī*. Dalam zaman 'Abbasiyyah 'ulamā'-'ulamā' tafsir tidak sekadar menerangkan makna-makna dan terjemahan al-Qurān sahaja, tetapi lebih meluas lagi seperti sebab-sebab turunnya ayat dan bukti-bukti dari segi bahasa, nahu, balāghah dan lain-lainnya seperti *Tafsīr Imām Yahyā bin Sallām al-Basrī* (wafat 200h) dan kitāb tafsīr dari *Sahīh al-Bukhārī* yang menerangkan erti kata-kata yang sukar difahami. Dalam bidang hadīth pula, Imām Mālik bin Anas (95-179h) telah menulis *Kitāb Muwatta'* atas anjuran Khalīfah al-Mansūr dimana dihimpun 1700 hadīth. Kemudiannya diikuti oleh Imām Muhammad bin Isma'il al-Bukhārī dan muridnya Muslim bin al-Hajjaj al-Nisāburī (wafat 261h). Menurut riwayat, beliau mengumpul kira-kira 4000 hadīth dari lebih kurang 300,000 hadīth yang dijalankan selama 16 tahun menziarahi pengahafal penghafal hadīth di

³³ M. 'Ajjaj al Khatīb, (1961), *Usul al Hadīth : 'Ulūmuha Wa Mustalāhuhu*, c. 2. Mesir : Dar al-Fikr, h. 19.

³⁴ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.* , c. 3. h. 164-165

seluruh dunia Islam dari Mesir sampai Afghanistan. Kemudian sesudah itu muncul kitāb hadīth sāhīh yaang dikarang oleh 'ulamā'-'ulamā' terkenal seperti Abu Dāūd Sulaymān bin al-Asy'ath al-Sajishtānī (*wafat* 275 h). Imām Abū 'īsā al-Tirmīzi (*wafat* 273h) Imām Nasāi (*wafat* 303h). Disamping itu ada *Musnad* al-Imām Abū Hanīfah al-Nu'mān, *Musnad* al-Imām al-Syāfi'ī, *Musnad* al-Imām Ahmad bin Hanbal dan lain-lain³⁵.

b) Kitāb-Kitāb Tabaqāt Dan Ansāb

Kitāb *Tabaqāt* menerangkan keperibadian seseorang serta tindak-tanduknya dalam masyarakat pada waktu itu. Individu yang menjadi bahan penulisan ini biasanya terdiri daripada kalangan *Fuqahā'*, Hakim, Sahabat, Ahli-Ahli Sastera dan Penyair, Doktor dan sebagainya. Ia menerangkan peribadi seseorang seperti tarikh dilahirkan, kematiannya, peranan dan tindak-tanduknya dalam masyarakat pada waktu itu. Mereka juga kadang-kadang dikenali sebagai *Rijāl al-Asānid* yang banyak disebut dalam buku-buku sejarah. Kitāb-kitāb Tabaqāt ini merupakan antara bahan peninggalan penulisan 'Arab yang banyak menceritakan tentang perkembangan sosial, kebudayaan, sastera dan politik dalam masyarakat awal Islam. Kesemua permasalahan ini dikaitkannya dengan individu-individu yang berperanan dalam masyarakat 'Arab tersebut³⁶.

³⁵ Said Abdul Aziz Salam (1978), c. 3. *Op.Cit.*, h. 164-165.

³⁶ *Ibid.*, h. 177.

Kitab *Ansāb* pula merupakan penceritaan yang berdasarkan suku kaum atau *qabīlah* kerana masyarakat ‘Arab amat mementingkan suku kaum atau *qabīlah* keturunan mereka dan di dalamnya terdapat kajian sejarah mengenai golongan *Aristokrat* ‘Arab. Oleh kerana itulah penulisan tentang urutan keturunan sesuatu *qabīlah* itu amat dititik beratkan oleh mereka dan ada kemungkinan penulisan *ansāb* ini muncul lebih awal daripada penulisan sejarah. Pada zaman penulisan, maka kedapatan penulis-penulis telah menemui mereka yang mengetahui tentang penceritaan keturunan dan membukukannya dan menjadi satu bahan koleksi sejarah yang amat bernilai. Terdapat juga di dalamnya berkaitan politik yang tertumpu kepada kaum *Quraish* dan kelompok keluarga ‘Alī. Melalui kitāb-kitāb ini kita akan mengetahui kedudukan pemimpin-pemimpin ‘Arab yang kebiasaannya akan mengungkitkan soal kemuliaan dan keagongan *qabīlah* dan keturunan mereka terutamanya apabila berlakunya pergeseran diantara kaum terutamanya diakhir kurun pemerintahan Kerajaan Umawi. Diantara kitāb-kitāb *Ansāb* yang terkenal ialah kitāb Muhammad bin al-Sā’ib al-Qalb dan anaknya Abū al-Munzīr Hisyām, al-Zubīr bin Bakkār, Abū ‘Ubaidah bin Masnā, Abū al-Yakzūn al-Nisābah, ‘Alī bin Muhammad al-Mudānī.³⁷

³⁷ Saīd Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.*, c. 3. h 177.

c) Kitāb-Kitāb Geografi

Orang-orang 'Arab memberikan perhatian khusus terhadap ilmu geografi sejak dahulu lagi kerana ia mempunyai perkaitan dan pertalian yang rapat dengan kehidupan mereka. Misalnya, melalui pengetahuan geografilah mereka dapat mengetahui kedudukan bintang-bintang, perjalanan planet-planet dan cakrawala, perubahan iklim sejuk dan panas, kedudukan arah tiupan angin dan jenis-jenis awan yang kesemuanya ini penting untuk industri ternakan, minuman dan kehidupan mereka. Bermulanya gerakan penulisan dan penyusunan buku-buku ini seiring dengan penulisan-penulisan sejarah. Oleh itu, orang yang mula-mula menulis sejarah 'Arab adalah mereka yang juga terlibat menulis tentang geografi 'Arab. Ini kerana orang-orang A'rab menganggap sejarah dan geografi sebagai dua komponen yang saling memerlukan. Sebagai contoh, Hishām bin Muhammad al-Qalb telah mengarang kitāb-kitāb sejarah yang di dalamnya merangkumi soal kenegaraan, pembahagian tanah, sungai-sungai, cuaca, keajaiban lautan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kebanyakan apa yang mereka tulis itu terbatas setakat semenanjung Tanah 'Arab dan kampung-kampungnya³⁸.

Sementara itu di Maghribi dan Andalus telah berlaku gerakan penulisan geografi lebih awal lagi yang secara kebetulannya bersambungan dengan gerakan penulisan sejarah. Lebih-lebih lagi sejak berlakunya peristiwa perluasan negara 'Arab pada zaman 'Abbāsiyyah dengan penaklukan dan pembukaan kawasan-

³⁸ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.*, c. 3. h. 180.

kawasan baru. Maka, orang-orang 'Arab begitu mengambil berat tentang disiplin ilmu geografi terutamanya dalam menggambarkan tentang daerah-daerah penguasaan Islam, bandar-bandarnya, jalan-jalan, infrastruktur dan sebagainya. Disamping itu, Orang-orang 'Arab dan kaum *muslimīn* di awal kurun ke empat hijrah sangat mengambil berat tentang *taqwīm* negeri-negeri kerana banyaknya pengembaraan dan perjalanan yang dilakukan atas tujuan perniagaan, menuntut ilmu, menunaikan haji dan pelancongan di seluruh pelusuk kerajaan Islam 'Arab. Oleh kerana itulah asas kepada penulisan kitāb-kitāb geografi ini ialah kecintaan mereka terhadap pengetahuan.³⁹ Kitāb-kitāb geografi ini juga memuatkan catatan-catatan pengembaraan beberapa orang Islam pada awal Islam iaitu antara abad ke tiga hijrah hingga sembilan hijrah. Misalnya pada abad ke lima Hijrah, Nāsir Khasr seorang berbangsa Parsi telah mengembara ke Timur dekat. Ibn Jarīr al-Andalusī yang berlepas dari Ceuta menuju Iskandariah dan ke negara-negara Islam yang lain. Ini diikuti pula oleh Ibn Batūtah pada abad kelapan Hijrah yang meliputi daerah-daerah Timur Dekat, Timur Tengah, Timur Jauh dan Alam Melayu.

d) Kitāb-Kitāb Pengembaraan 'Ulamā' Islam

Orang-orang 'Arab amat menguasai medan pengembaraan dan geografi berbanding banga-bangsa lain. Pengembaraan adalah antara faktor terpenting kesinambungan dan keterikatan di antara seluruh pelusuk dunia Islam dizaman

³⁹ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit* , c. 3. h. 183-184 .

keunggulannya dahulu. Ia juga merupakan antara ciri-ciri penting masyarakat 'Arab Islam pada zaman kegemilangannya. Faktor pengembaraan ini turut juga menyumbangkan perluasan empayar 'Arab selepas beberapa siri penaklukan dan bertebaranlah orang-orang Islam ke pusat-pusat pengajian yang pelbagai di seluruh jajahan takluk Islam. Oleh kerana itulah mereka banyak menulis mengenai sejarah pengalaman yang dilalui sepanjang pengembaraan. Kitāb-kitāb ini merupakan kitāb pengembaraan orang-orang 'Arab ke seluruh pelusuk dunia samada bagi tujuan perniagaan, menunaikan haji, penyiasatan, membuat penyelidikan dalam usaha menambah pengetahuan mereka mengenai bangsa-bangsa penganut agama Islam ataupun pengembaraan itu adalah atas perintah *sultān* atau pemerintah. Kebanyakan daripada pengembara-pengembara ini sangat mengambil berat dalam dunia pengembaraan mereka dengan menyusun dan mencatatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang pengembaraan mereka sama ada laluan perjalanan, bandar-bandar yang dilawati, keadaan masyarakat yang mereka temui dan sebagainya⁴⁰.

e) Kitāb-Kitāb Kharāj, Hisbah, dan Fiqh

Banyak kitāb-kitāb yang menerangkan hal ehwal ekonomi negara-negara 'Arab telah sampai kepada kita terutamanya dari sudut *Nazariyyah* atau *Fiqhiyyah*. Antaranya ialah *Kitāb al-Kharāj Dorībah* (percukaian) yang banyak menerangkan perihal tanah-tanah dizaman Islam. *Al-Kharāj* merupakan sejumlah bayaran yang tertentu sama ada berupa wang atau hasil mahsul yang dikenakan ke atas tanah yang

⁴⁰ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.*, c. 3. h. 211-214.

ditakluk oleh orang-orang Islam menerusi peperangan. Percukaian kharāj ini tertakluk kepada tanah yang tuannya telah memeluk Islam tanpa perang, tanah yang dimiliki oleh orang-orang Islam dengan peperangan yang diberikan *khalīfah* kepada tentera dan tanah yang dirampas dari orang kafir. Menerusi kitāb kharāj ini, sejarahwan banyak mengetahui tentang hal ehwal peperangan, sosial masyarakat dan seumpamanya⁴¹.

Kitāb-kitāb Fiqh iaitu kitāb-kitāb yang mengeluarkan hukum-hukum syariah berdasarkan al-Qurān, al-Hadīth, Qiās dan Ijmā'. Antara kumpulan kitāb-kitāb ini yang sampai kepada kita ialah *al-Kharāj* yang ditulis oleh Abī Yusūf, Kitāb *al-Jāmi' al-Kabīr*, *al-Jāmi' al-Soghīr*, Kitāb *al-Sir al-Kabīr* yang ditulis al-Syaibānī, Kitāb *Muwatta'* karangan Imām Mālik dan Kitāb *al-Umm* karangan Imām Syafī'i. Di dalam kitāb-kitāb ini terdapat banyak maklumat tentang hal ehwal sesuatu bangsa dan peraturannya pada zaman pertengahan. Juga maklumat berkaitan keturunan, ekonomi, akhlāk, 'adat, taraf kehidupan sesuatu bangsa dan hal ehwal yang berlaku dikalangan mereka.⁴² Kitāb *Hisbah* pula banyak menceritakan tentang penguatkuasaan undang-undang tentang jual beli seperti *Kitāb Ma'ālim al-Qurbah Fī Ahkām al-Hisbah* yang ditulis oleh Muhammad bin Muhammad Bin al-Qurīshi, kitāb *Nihāyah al-Ratbah Fī Talab al-Hisbah* karangan Abdul Rahman bin Nasir al-Shazarī dan *kitāb al-Hisbah Fī al-Islām* yang dikarang oleh Ahmad bin Taymiyyah⁴³.

⁴¹ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.*, c. 3. h. 249-240.

⁴² Dr Sayyidah Ismā'il Kāsyīf, (1976), *al-Masādir al-Tārīkh al-Islāmī Wa Manāhij al-Baḥthu Fīhi*, c. 4. Jakarta : Maktabah al-Khanjī, h. 78.

⁴³ *Ibid.*, h. 80.

f) Kitāb-Kitāb Puisi-Puisi Dan Sastera

Antara jenis-jenis kesusasteraan Islam termasuklah, cerita-cerita rakyat, penulisan buku dan majalah, pidato, puisi, gurindam, nyanyian, pantun dan syair. *Zaman 'Abbasiyyah* dianggap oleh kebanyakan pengkaji sejarah sebagai zaman kemuncak kegemilangan kesusasteraan Islam kerana hasil pengaruh dari kemasukan pemikiran, kesusasteraan dan budaya Parsi, Andalusia dan negara-negara lain yang dahulunya mempunyai *tamaddunya* yang tersendiri. Oleh kerana itulah banyak maklumat yang boleh diperolehi oleh pengkaji sejarah melalui kesusasteraan ini kerana ianya banyak berkisar tentang kehidupan sosial dan politik masyarakat Islam pada waktu itu. Di samping itu, syair dan puisi 'Arab pada zaman jahiliah pula, dianggap sebagai antara sumber penting tentang sejarah bangsa 'Arab terutamanya dalam menceritakan sejarah bangsa 'Arab dan *ketamaddunan* mereka. Ini kerana, dalam puisi-puisi ini banyak memberi gambaran keadaan orang-orang 'Arab dari aspek kemasyarakatan dan agama meliputi sosial hidup mereka, akhlak dan perlakuan, agama, pemikiran, peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan mereka, pakaian, cerita tentang tokoh-tokoh zaman mereka dan sebagainya. Peristiwa-peristiwa yang dicatitkan ini meliputi peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika aman dan perang. Meskipun syair *jahiliyyah* terdedah kepada kepupusan kerana ia dipindahkan dari mulut-kemulut tetapi sumber ini dianggap penting terutamanya untuk mengetahui sejarah perkembangan kebudayaan masyarakat sebelum Islam dan zaman awal Islam⁴⁴.

⁴⁴ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.*, c. 3. h. 235.

2.3.2. Sumber-Sumber Athariyyah

a) Surat-Surat Rasmi

Surat-surat rasmi ini banyak mencatatkan peristiwa yang berlaku di zaman penulisan surat tersebut. Ianya seperti surat-surat yang dikeluarkan *daripada Dīwān al- Insyā'* untuk edaran wilayah-wilayah atau kawasan-kawasan yang tertakluk dengan kerajaan pusat. Ianya juga termasuklah sijil-sijil, karangan-karangan, hukum-hukum, *fatwā-fatwā*, butir-butir perjanjian yang dimeterai, perjanjian-perjanjian jual beli dan lain-lainnya. Begitu juga dengan surat-surat perlantikan *amīr-amīr* wilayah dan surat-surat rasmi yang dikeluarkan oleh para *sultān* atau pemerintah pada waktu itu. Surat-surat ini mempunyai peranan yang besar dan amat penting dalam menerangkan sesuatu peristiwa dan perkembangan masyarakat zaman lalu terutamanya yang berkaitan soal sosial, politik, ekonomi dan penggunaan matawang. Ketika permulaan kemunculan Islam khususnya dizaman perluasan kuasa, banyak surat-surat rasmi dan surat-surat perjanjian telah dikeluarkan oleh Rasūl S.A.W. dan juga *Khulafa' al-Rāshidīn*. Penulisan surat-surat ini banyak menggunakan ibarat-ibarat dan peribahasa. Tulisan-tulisan ini ditulis dengan tangan dan menggunakan bahasa 'Arab. Bagi daerah-daerah yang jauh dari Madinah, kebiasaannya surat ditulis dalam bahasa tempatan mereka seperti di Iraq yang menggunakan bahasa Parsi dan di Syam yang menggunakan bahasa Roman⁴⁵.

⁴⁵ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.* , c. 3. h. 240-242 .

Dalam pemerintahan *Bani 'Umayyah* dizaman Abdul Malek, usaha telah dilakukan untuk mengalih bahasa surat-surat ini ke dalam bahasa 'Arab. Walau bagaimanapun, sesuatu yang mendukacitakan ialah sumber-sumber ini kurang mendapat perhatian serta penilaian yang sedikit terhadap dokumen ini kerana banyak dokumen berharga ini telah dibawa pulang ke negara Barat seperti Eropah. Kebanyakan dokumen yang diambil daripada negara Islam itu masih tersimpan di perpustakaan dan muzium-muzium di Eropah seperti di Berlin, London dan Paris⁴⁶.

b) Tulisan-Tulisan dan Kesan Tinggalan Bangunan Sejarah

Tulisan-tulisan yang dimaksudkan ini ialah seperti surat-surat rasmi, surat-surat perjanjian serta ukiran-ukiran sejarah yang didapati di dinding-dinding masjid, di tanah perkuburan, dibangunan-bangunan atau tenunan-tenunan. Tulisan-tulisan dan kesan-kesan pada bangunan sejarah ini amat penting terutamanya jika seseorang ahli sejarah itu hendak menyelidik peristiwa-peristiwa yang berlaku dizaman nabī-nabī atau rasūl-rasūl terdahulu sebelum kedatangan Nabī Muhammad S.A.W.. Penceritaan manusia-manusia era ini telah diungkapkan oleh al-Qurān dan tinggalan-tinggalan ini menjadi bukti kebenaran penceritaan al-Qurān. Oleh kerana itulah ukiran dan tulisan peninggalan *zaman Fir'ūn, Kerajaan Sabā'* dan kerajaan-kerajaan terdahulu menjadi satu sumber yang penting dalam mengkaji sejarah Islam. Begitu juga ukiran dan tulisan yang ditinggalkan oleh pemerintah Islam dizaman selepas kewafatan Nabī Muhammad S.A.W. Ini kerana, tulisan dan ukiran ini dapat

⁴⁶ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.*, c.3. h. 133-135.

memberikan tarikh yang tepat tentang kewujudan kerajaan-kerajaan ini. Misalnya, pembinaan Masjid Ahmad bin Tulun. Pada mulanya ahli sejarah berselisih pendapat tentang tahun sebenar pembinaan masjid ini tetapi, apabila dirujuk kepada tulisan ukiran yang terdapat pada masjid itu maka, adalah jelas ianya telah didirikan pada tahun 265 hijrah⁴⁷.

c) Matawang

Pengkajian sejarahwan terhadap matawang yang dikeluarkan oleh sesebuah negara Islam atau jajahannya amat penting dalam sejarah Islam. Ini kerana, pencetakan matawang ini merupakan bidang kuasa seorang ketua dalam sesuatu kumpulan sama ada ianya seorang khalīfah, *sultān*, *amīr* ataupun gabenor. Oleh kerana itulah cetakan pada matawang ini mengandungi pada permukaan matawang itu, nama-nama *khalīfah* atau pemerintah pada waktu itu dan gelaran-gelaran pada mereka, tarikh ia dicetak dan kenyataan ringkas tentang aliran mazhab agama yang menjadi pegangan masyarakat di situ. Kadangkala terdapat juga nama bandar ditulis pada permukaan matawang itu. Keseluruhannya menerangkan sama ada ketua wilayah tempat matawang itu dicetak tunduk kepada pemerintah pusat (*khalīfah*) ataupun tidak, dapat dipandukan oleh bentuk dan tulisan-tulisan yang terdapat pada permukaan matawang itu. Perkara ini secara tidak langsung dapat menjelaskan perkara-perkara penting sudut sejarah terutamanya berkaitan sosio-ekonomi

⁴⁷ Sayyidah Ismail Kashif (1976), *Op.Cit.*, c.4. h. 93-95.

masyarakat pada waktu itu serta perkembangannya, juga menjelaskan tentang hal ehwal politik semasa negara dimana wang itu dikeluarkan. Penggunaan matawang ini juga boleh menggambarkan perkembangan perniagaan yang dilakukan serta hubungan baik antara daerah-daerah kekuasaan Islam⁴⁸.

Dengan adanya perkara-perkara ini akan memudahkan pengkaji sejarah mendapatkan maklumat yang tepat merangkumi aspek pemerintahan, ekonomi dan keagamaan masyarakat pada waktu itu. Penggunaan matawang sebagai sumber sejarah Islam telah banyak menyumbangkan fakta-fakta sejarah yang tepat dan berjaya merungkaikan persoalan pensejarahan yang ada pada waktu itu. Misalnya pada tahun 1939 masihi, seorang cendekiawan Iraq, al-Astanmari al Qarmali telah menulis sebuah buku bertajuk "al-Nuqūd al-'Arabiyyah wa 'Ilm al-Namāyah". Penulis ini telah membuat tambahan dan ulasan terhadap nama-nama dan gelaran yang tercatat pada permukaan matawang yang diperolehinya dan juga menyatakan jenis logam yang membentuk matawang tersebut, bentuk, ukuran, timbangan dan nilainya⁴⁹.

⁴⁸ Said Abdul Aziz Salam (1978), *Op.Cit.*, c. 3. h. 157-159.

⁴⁹ Sayyidah Ismail Kashif (1976), *Op.Cit.*, c. 4. h. 99.